

Penjelasan tentang keterangan gambar Presiden baru UMNO

SATU kesilapan teknik berlaku pada keterangan gambar Presiden UMNO baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyampaikan hadiah perisai pewter kepada bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn selepas majlis terbuka puasa di kediaman beliau di Kuala Lumpur malam kel-

marin.

Kata-kata yang tercatat dalam pewter itu sebenarnya tidak seperti yang tersiar dalam akhbar ini semalam, akibat kesilapan teknik.

Kata-kata penuh dalam pewter itu berbunyi:

'Majlis Tertinggi Perhubungan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang bersidang pada 25 haribulan Jun 1981 dengan perasaan sedih dan terharu di atas keputusan Datuk Hussein Onn tidak menerima jadi calon Presiden UMNO dan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri disebabkan gangguan kesihatan, dengan ini merakam setinggi-tinggi ucapan penghargaan di atas kejujurannya mengambil keputusan semata-mata dengan tujuan yang ikhlas supaya tidak terjejas kerja-kerja dan tanggungjawab yang berat sebagai pemimpin parti dan negara untuk kemajuan rakyat, bangsa dan agama.

'Tindakan beliau ini merupakan sikap seorang pemimpin yang berhemah tinggi lagi bersih dan jujur.

'Datuk Hussein merupakan seorang yang telah banyak berkorban dalam perjuangan kemerdekaan dan juga ambil bahagian besar dalam usaha pembangunan negara.

'Sikapnya yang tegas, jujur dan merendah diri hanya akan menjadi contoh sebagai pemimpin yang baik.

'Dalam masa beliau memimpin negara, parti bertambah kuat seperti terbukti dalam kemenangan besar pilihanraya 1978 dan beberapa pilihanraya kecil lain.

'Di bawah pimpinannya semua rakyat berbilang kaum bertambah erat hubungan mereka melalui parti dan Barisan Nasional di masa beliau menjadi presidennya.

'Majlis Tertinggi selain daripada mengucapkan tahniah atas segala kejayaannya yang cemerlang berdo'a supaya Allah panjangkan umur dan diberi kesihatan dan terus berkhidmat untuk kemajuan parti, dan negara.

'Segala jasanya dalam kenangan UMNO dan Barisan Nasional.'

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia